

15 NOV 1998

APEC-BERITA-AVON/I

KAWALAN MATAWANG BERPILIH-PILIH BAIK UNTUK PERNIAGAAN, KATA AVON

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Dalam menyarankan pemimpin dunia untuk membuat pembaikan kepada aliran matawang, Avon Products Inc dari Amerika Syarikat hari ini memuji kawalan matawang berpilih-pilih yang dilaksanakan oleh Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Charles R. Perrin berkata pembaikan aliran mata wang adalah perlu kerana sistem global semasa tidaklah unggul.

"Saya mengetahuinya sendiri, dalam menguruskan sebuah syarikat global, adalah sangat mencabar untuk mempunyai matawang yang tidak stabil. Untuk itu, kami amat menyokong apa saja yang boleh memperbaiki sistem tersebut," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau berkata langkah kawalan tukaran asing yang dilaksanakan Malaysia, seperti menetapkan kadar ringgit berbanding dolar Amerika RM3.8 kepada AS\$1, banyak membantu perniagaan Avon di negara ini.

"Ia memberikan bantuan dari segi, pengurusan tempatan kami yang berurusan dengan import dan eksport sekarang boleh merancang kerja mereka dengan lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata Malaysia mempunyai iklim pelaburan yang stabil.

"Saya belum melihat sebarang tanda-tanda suasana tidak stabil di sini. Ia adalah negara aman dan kami telah berada di sini sejak akhir tahun 70-an lagi," katanya.

Perrin berkata beliau yakin dengan masa depan Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara yang lain, dan ia akan terus mencari peluang perniagaan di rantau ini, walaupun dengan krisis ekonomi yang berlaku sekarang.

Sejak 12 tahun lepas, perniagaan Avon di Malaysia telah meningkat sepuluh kali ganda untuk mencapai pulangan kira-kira RM150 juta.

"Dengan pencapaian itu, kami merancang untuk tinggal di sini lebih lama," katanya.

Barangan Avon di Malaysia, terutamanya barangan penjagaan kulit telah meningkat dua kali ganda sejak tiga tahun lepas.

Beliau berkata Avon mempunyai pelaburan terus asing di 42 negara dan barangannya dijual di 135 negara.

Avon, dengan pulangan dari seluruh dunia berjumlah kira-kira AS\$5.2 bilion setakat ini, tahun ini, membelanjakan lebih AS\$20 juta bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), dan ia mempunyai komitmen untuk menambah sebanyak 50 peratus lagi bagi tempoh tiga tahun yang akan datang.

Berkaitan dengan unjuran pulangan bagi tahun-tahun yang mendatang, beliau berkata, "Dengan kesan dolar (Amerika) begitu kuat di seluruh dunia, adalah sukar untuk membuat sebarang unjuran, kerana kita mempunyai perbezaan besar antara pertumbuhan dolar dan pertumbuhan matawang tempatan."

Sebagai contoh, tahun ini jualan Avon meningkat sebanyak dua peratus dari segi dolar, tetapi hampir 10 peratus dari segi matawang tempatan.

Bagi tahun depan, pertumbuhan dijangka 5 peratus dari segi dolar dan 13 peratus dari segi matawang tempatan.

Perrin terdahulu telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tempat berlangsungnya sidang kemuncak perniagaan Apec.

Perrin berkata semasa pertemuan 20 minit itu, mereka membincangkan bagaimana Avon dapat membantu Apec, Malaysia dan keseluruhan rantau ini, semasa kegawatan ekonomi ini.

Pertemuan itu juga membincangkan peranan Avon di Malaysia dan peluang

yang ditawarkan Avon kepada wanita, sama ada melalui jualan langsung atau francais, katanya.

-- BERNAMA

AA YBY RI